

Kumpulan Wang Simpanan Guru tidak akan dibubar

BH 27 MAR 2000

BATU PAHAT, Ahad – Kementerian Pendidikan tidak akan membubarkan Kumpulan Wang Simpanan Guru-guru yang ditubuhkan hampir 40 tahun lalu sebagai saluran tabungan guru di negara ini, jika mendapati ia masih memberi manfaat kepada kumpulan sasaran.

Menterinya, Tan Sri Musa Mohamad, berkata kajian terhadap fungsi tabung itu bagaimanapun perlu dijalankan untuk mendapat keputusan terbaik berhubung kedudukan skim tabungan terbahit.

“Setakat ini, kita masih belum membuat sebarang keputusan berhubung kedudukan tabung berkenaan, tetapi jika masih berfaedah, ia tidak perlu dibubarkan.

“Bagaimanapun, saya perlu meneliti terlebih dahulu mengenai perkara ini,” katanya, selepas melakukan

lawatan kerja ke Institut Teknologi Tun Hussein Onn (Ittho), di Parit Raja, dekat sini hari ini.

Beliau mengulas kenyataan Timbalan Setiausaha Agung Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan (NUTP), Abdul Karim Majid, hari ini yang mahu kerajaan mengumumkan perancangan untuk tabung itu dan asetnya selepas 2004.

Abdul Karim dipetik dalam laporan sebuah akhbar berbahasa Inggeris sebagai berkata, ramai bekas ahli ingin tahu status tabung terbahit selepas ahli terakhir mengeluarkan carumannya menjelang tempoh berkenaan.

Kumpulan wang simpanan itu, yang kini dilaporkan mempunyai tabungan dan aset bernilai lebih RM37 juta, ditubuhkan pada 1961 ketika guru ti-

dak dianggap sebagai kakitangan kerajaan, sebaliknya diletakkan di bawah skim gabungan perguruan.

Pada 1971, ramai guru menyertai perkhidmatan awam selepas diberikan pilihan berbuat demikian, manakala selebihnya berkhidmat di bawah lembaga pusat dan terus mencarum ke dalam tabung berkenaan.

Musa berkata, setakat ini, beliau masih belum menerima laporan daripada NUTP berhubung perkara itu, tetapi memberi jaminan kementerian akan mencari keputusan terbaik menyelesaikan masalah berkenaan.

“Saya sebenarnya tidak tahu mengenai desas-desus tabung ini akan dibubarkan. Jadi, saya perlu mendapatkan laporan daripada NUTP untuk mengetahui apa yang dimaksudkan pihak kesatuan itu,” katanya.

Dalam perkembangan

lain, Musa berkata, kementerian sedang mengkaji cadangan yang dikemukakan pelbagai pihak bagi menyelesaikan masalah beg berat yang dihadapi murid sekolah rendah negara ini.

“Kita sudah terima beberapa cadangan dan kini, sedang menelitinya. Isu ini mungkin mengambil masa agak lama untuk diselesaikan kerana ia membabitkan banyak pihak,” katanya.

Mengulas cadangan menaikkan status Ittho kepada universiti, beliau berkata, sebarang keputusan berhubung perkara itu akan diputuskan selepas ia dibentangkan di mesyuarat Kabinet.

“Secara keseluruhannya, Ittho berpotensi dinaikkan taraf menjadi universiti kerana memenuhi keperluan untuk tujuan itu, tetapi keputusan akhir terletak pada Kabinet,” katanya.